

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : PERASMIAN MASAKAN MAKANAN TRADISIONAL NEGERI-NEGERI
Lokasi : AYER KEROH, MELAKA
Tarikh : 30-07-1988

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia; Yang Amat Berhormat Dato Seri Abdul Rahim Thamby Chik, Ketua Menteri Melaka; Yang Berusaha Datuk Hajah Siti Rahmah bt. Kassim, Pengerusi Biro Wanita Gabungan Persatuan-Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Malaysia; Dif-dif Kehormat; Tuan-tuan dan Puan-puan, Saya mengucapkan terima kasih kepada Biro Wanita Gabungan Persatuan-Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Malaysia kerana menjemput saya untuk merasmikan Masakan Makanan Tradisional Negeri-Negeri.

2. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Biro Wanita Gabungan kerana walaupun baru sahaja ditubuhkan, telah dapat menunjukkan kemampuan untuk mengemblingkan tenaga ahli-ahli dan menganjurkan aktiviti-aktiviti yang mendatangkan manfaat bukan sahaja kepada ahli-ahlinya, tetapi juga kepada masyarakat secara amnya. Saya merasa sukacita kerana saya difahamkan bahawa di antara tujuan Biro Wanita ditubuhkan ialah untuk mengembling penjaja dan peniaga wanita supaya sama-sama dapat berusaha dengan penjaja dan peniaga kaum lelaki, serta berganding bahu bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. Negara kita memang kaya dengan berbagai-bagai masakan tradisinya. Setiap negeri mempunyai cara-cara masakan yang menggunakan berbagai-bagai jenis ramuan supaya sesuai dengan selera masyarakat negeri berkenaan. Citarasa masakan adalah berbeza antara satu tempat dengan tempat yang lain. Umpamanya, di negeri Melaka ini terkenal dengan masakan asam pedasnya, negeri Perak dan Negeri Sembilan terkenal dengan masakan gulai tempoyaknya. Negeri-negeri di sebelah timur terkenal dengan nasi dagangnya, Pulau Pinang pula terkenal dengan nasi kandarnya. Pendek kata, tepuk dada tanyalah selera, semua jenis masakan boleh didapati.

Tuan-tuan dan puan-puan,

4. Yang utama dalam perusahaan makanan atau masakan, selain daripada rasa yang sedap, ialah kebersihan tempat atau kawasan sekitarnya. Orang ramai akan lebih berselera menikmati hidangan apabila suasana sekeliling bersih dan menyenangkan mata memandang. Di samping itu, apabila sesuatu tempat itu terkenal dengan makanan yang enak, orang ramai juga sanggup datang dari jauh untuk menikmati makanan yang terdapat di situ. Adatempat-tempat yang menjadi terkenal kerana hidangan-hidangan yang istimewa yang terdapat di situ. Ini juga menjadi satu daya tarikan kepada para pelancong untuk datang ke tempat yang berkenaan. Sebaliknya, jika makanan di sesuatu tempat itu tidak enak, tambahan pula tidak bersih, walaupun ianya terletak berhampiran, orang ramai tidak akan mengunjunginya.

5. Masakan yang enak dan lazat juga boleh menjadi salah satu daya tarikan kepada para pelancong untuk datang ke negara kita. Pelancong-pelancong apabila datang ke negara kita bukan sahaja bertujuan untuk menikmati alam semula jadi yang indah atau adat resam dan kebudayaan kita, atau berjemur untuk menikmati teriknya matahari, tetapi juga untuk merasai masakan dan makanan tradisional yang terdapat di negara kita yang jauh berbeza daripada citarasa di negara mereka.

6. Di Kuala Lumpur dan bandar-bandar besar yang lain, gerai-gerai makanan terutamanya yang menjaja di waktu malam sentiasa sesak dengan orang ramai yang datang untuk menjamu selera. Saya percaya tarikan yang utama yang menarik orang ramai ialah terdapatnya banyak gerai yang menjual berbagai-bagai jenis masakan di satu kawasan yang tertentu.

Ini memudahkan orang ramai dan juga para pelancong kerana mereka tidak perlu berjalan jauh untuk

menikmati sesuatu hidangan itu. Di samping itu, para penjaja hendaklah memastikan supaya harga makanan- makanan yang dijual adalah berpatutan dan kebersihan kawasan juga dijagai.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Dalam apa juga usaha baik kecil atau besar, untuk mencapai kemajuan dan berjaya mestilah ada kesungguhan dan ketekunan. Pengusaha-pengusaha yang berjaya ialah mereka yang tabah dan tidak cepat berputus asa apabila menghadapi setiap rintangan dan dugaan, malahan kegagalan boleh dijadikan sebagai satu pedoman untuk bangun semula dan terus berusaha. Dalam hal ini juga, adalah lebih baik jika kita bermula secara kecil-kecilan setakat kemampuan dan pengalaman yang ada pada diri sendiri serta modal yang ada dalam simpanan. Setelah kita mendapat pengalaman dan keuntungan, bolehlah kita mengembangkan lagi perusahaan kita secara berperingkat-peringkat. Ini adalah lebih selamat dan lebih baik daripada terus menceburkan diri secara besar-besaran dengan membuat pinjaman-pinjaman memandangkan untung-ruginya perusahaan kita belum dapat ditentukan lagi. Saya khuatir jika kita tidak berhati-hati dan memulakan perniagaan dengan cara ini, kita akan ditimpa beban yang mungkin tidak dapat dipikul.

8. Saya berasa gembira kerana dengan tertubuhnya Biro Wanita Gabungan PPPKMM, khidmat nasihat dan bimbingan yang berguna dapat diberikan kepada penjaja diberikan kepada penjaja dan peniaga wanita untuk menjayakan perniagaan mereka. Saya berharap Biro Wanita Gabungan ini akan dapat terus menambahkan bilangan ahli-ahlinya dan juga dapat terus mengemblingkan tenaga semua ahli-ahli supaya dapat meningkatkan lagi peranan penjaja dan peniaga wanita bagi kemajuan kaum wanita khususnya dan negara amnya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

9. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Masakan Makanan Tradisional Negeri-Negeri ini.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.